

# Solat hajat di tepi empangan

Mohon kepada ALLAH agar diturunkan hujan berikutan paras air Empangan Gemencheh di bawah kritikal

■ HAMIZAH BASIR


**SEREMBAN** - Paras air di Empangan Gemencheh kini di bawah paras kritikal berikutan musim kemarau yang melanda negara.

Berikutan itu, Syarikat Air Negeri Sembilan (Sains) mengadakan solat hajat memohon hujan di Empangan Sungai Terip, Jalan Pantai, di sini, semalam.

Solat sunat Istisqa dilakukan kira-kira jam 10.30 pagi semalam, oleh 70 warga Sains dan pelajar Madrasah Tahfiz Al-Falah, Kuala Sawah, Rantau.

Pengarah Sains, Wan Rasdi Wan Ismail berkata, solat hajat itu diadakan bagi memohon hujan di kawasan empangan berikutan fenomena EL-Nino yang melanda negara.

Beliau berkata, paras air di Empangan Gemencheh kini mencatat bacaan 94 meter iaitu di bawah paras kritikal.



Kakitangan Sains dan pelajar Madrasah Tahfiz Al-Falah melakukan solat hajat di Empangan Sungai Terip, semalam.

“Tujuh empangan di negeri ini masih dalam paras baik dan mampu bertahan hingga Jun. Sungai Teriang, Sungai Muar dan Sungai Linggi masih di paras baik.

“Tetapi paras air di Empangan Gemencheh su-

dah mencapai paras kritikal. Jadi, kita berharap solat hajat memohon hujan ini dapat menambah bacaan air empangan, sekali gus menamatkan musim kemarau,” katanya.

Menurutnya, paras air kritikal di Empangan Gemencheh

itu akan diatasi dengan pengempaman air dari Sungai Jelai ke Empangan Gemencheh.

“Kita akan pam air sebanyak enam juta gelen sehari dan kita akan gunakan sebanyak tiga juta gelen sehari. Sekiranya pengempaman

air Sungai Jelai dilakukan setiap hari, paras air di Empangan Gemencheh akan bertahan selama 18 bulan.

“Jika kemarau berpanjangan sehingga menyebabkan paras air sungai kering, sebagai jalan terakhir kita akan lepaskan

air empangan bagi memastikan muka sauk mengempam air ke loji,” katanya.

Beliau berkata ketika ditemui selepas majlis solat hajat berkenaan, semalam.

Hadir sama, Pengurus Besar Sains, Zulkifli Ibrahim.